

**IDENTITI LATAR LANGIT BANDAR GEORGE TOWN,  
PULAU PINANG, MALAYSIA**

**Oleh**

**AZRUL BIN BAHALUDDIN**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sains**

**Dis 2009**

## **PENGHARGAAN**

Melengkapkan penyelidikan identiti latar langit Bandar George Town, Pulau Pinang, Malaysia ini semestinya dilakukan dengan sokongan pelbagai pihak. Mereka yang telah memberi sokongan ini amat dihargai walaupun sokongan yang diberi tidak secara langsung. Penghargaan utama khususya diberikan kepada Prof. Madya Dr. Kausar binti Haji Ali selaku penyelia utama dan Prof. Madya Dr. Aldrin bin Abdullah selaku penyelia bersama. Mereka telah banyak memberi pendedahan sekaligus membentuk pengalaman pembelajaran melalui penyelidikan dengan jelas termasuk mempermudah proses melengkapkan penyelidikan ini. Individu-individu lain yang turut menjadi inspirasi bagi setiap usaha yang dilakukan, Puan Arbai'yah binti Sulaiman Shah, Encik Bahaluddin bin Abdul Wahab, ahli keluarga, para pensyarah dan rakan-rakan. Setinggi penghargaan bagi setiap individu-individu ini kerana bukan sahaja menjadi inspirasi malah sentiasa membantu secara langsung atau sebaliknya. Pastiya siapa sahaja yang mempunyai perkaitan langsung atau tidak langsung dengan usaha melengkapkan penyelidikan akan sentiasa menjadi inspirasi peribadi yang amat berharga.

## ISI KANDUNGAN

Penghargaan .....	ii
Isi Kandungan .....	iii
Seranai Jadual .....	viii
Senarai Rajah .....	ix
Senarai Gambar .....	x
Senarai Lakaran .....	xii
Senarai Peta .....	xiii
Abstrak .....	xv
Abstract .....	xiv

### BAB 1 – PENGENALAN

1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Penyataan Isu .....	2
1.3 Skop Kajian .....	4
1.4 Persoalan Penyelidikan .....	6
1.5 Matlamat dan Objektif Penyelidikan .....	8
1.6 Kepentingan Penyelidikan .....	8
1.7 Kaedah Kajian .....	10
1.8 Organisasi Tesis .....	13
1.9 Rumusan .....	15

## BAB 2 – KAJIAN ILMIAH

2.1	Pengenalan .....	16
2.2	Definisi Latar Langit .....	18
2.3	Jenis dan Kepentingan Latar Langit .....	21
2.3.1	Latar Langit Paparan Sejarah .....	24
2.3.2	Latar Langit Simbol Perkembangan Ekonomi .....	27
2.3.3	Latar Langit dan Pengaruh Mercu Tanda .....	32
2.3.4	Latar Langit Ekologikal .....	40
2.3.5	Latar Langit dan Kepentingan Nilai Budaya .....	43
2.3.6	Latar Langit dan Nilai Estetika .....	47
2.4	Pengaruh Latar Langit .....	51
2.4.1	Hubungannya dan Identifikasi Sesebuah Bandar .....	54
2.4.2	Pengaruh Jarak dan Lokasi Pemerhatian ke atas Identiti Latar Langit .....	58
2.4.3	Sumbangan Latar Langit ke atas Visual Landskap .....	60
2.5	Rumusan .....	63

## BAB 3 – BANDAR GEORGE TOWN, PULAU PINANG

3.1	Pengenalan .....	65
3.2	Sejarah Awal Bandar George Town .....	66
3.2.1	Perkembangan Masyarakat Majmuk di Bandar George Town .....	69
3.3	Elemen Fizikal Perbandaran Bandar George Town .....	71
3.3.1	Topografi Semulajadi .....	72
3.3.2	Kejiranan Masyarakat Majmuk Bandar George Town .....	73
3.3.3	Jeti Clan .....	77

3.3.4	Pelabuhan .....	78
3.3.5	Pusat Kerajaan dan Pentadbiran .....	79
3.3.6	Pusat Komersial .....	80
3.4	Pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) .....	81
3.5	Rumusan .....	86

#### BAB 4 – METODOLOGI KAJIAN

4.1	Pengenalan .....	88
4.2	Kaedah Pemerhatian .....	89
4.1.1	Teknik Dokumentasi .....	93
4.3	Lingkungan Latar Langit .....	94
4.3.1	Had Sempadan Lingkungan Latar Langit Bandar George Town ....	96
4.4	Komposisi Latar Langit .....	97
4.5	Lokasi Pemerhatian Lingkungan Latar Langit .....	100
4.6	Perlaksanaan Metodologi Kajian .....	105
4.6.1	Tahap 1: Kompilasi Data dan Pemilihan Mercu Tanda .....	105
4.6.2	Tahap 2: Penentuan Titik Pemerhatian .....	107
4.6.3	Tahap 3: Analisis Keratan Rentas .....	109
4.7	Kaedah Penilaian Pemberat .....	112
4.8	Rumusan .....	115

#### BAB 5 – ANALISIS KAJIAN

5.1	Pengenalan .....	117
5.2	Memahami Elemen Pembentukan Latar Langit Bandar George Town ....	118

5.3	Pemilihan Mercu Tanda Latar Langit Bandar George Town .....	121
5.3.1	Mercu Tanda Berkepentingan Sejarah .....	123
5.3.3	Mercu Tanda Berkepentingan Budaya .....	125
5.3.3	Mercu Tanda Berkepentingan Estatika .....	127
5.4	Analisis Latar Langit Bandar George Town .....	130
5.4.1	Titik pemerhatian pertama (TPA) pada jarak 2.5 kilometer .....	132
5.4.1a	Komposisi latar langit dari titik pemerhatian TPA .....	133
5.4.1b	Penyataan pemerhatian dari titik pemerhatian TPA .....	134
5.4.2	Titik pemerhatian kedua (TPB) pada jarak 1.5 kilometer .....	136
5.4.2a	Komposisi latar langit dari titik pemerhatian TPB .....	137
5.4.2b	Penyataan pemerhatian dari titik pemerhatian TPB .....	138
5.4.3	Titik pemerhatian ketiga (TPC) pada jarak 0.5 kilometer .....	140
5.4.3a	Komposisi latar langit dari titik pemerhatian TPC .....	141
5.4.3b	Penyataan pemerhatian dari titik pemerhatian TPC .....	143
5.5	Analisis Purata Jumlah Nilai Pemberat Latar Langit Bandar George Town .....	146
5.6	Rumusan .....	148

## BAB 6 – PENEMUAN PENYELIDIKAN

6.1	Pengenalan .....	149
6.2	Identiti Latar Langit Bandar George Town .....	150
6.2.1	Pandangan dan Persepsi Pertama Paparan Identiti Latar Langit Bandar George Town .....	152
6.2.2	Pembentukan Paparan Imej Impresif Latar Langit Bandar George Town .....	153

6.2.3	Penandaan Lokasi Dalam Bandar George Town .....	156
6.3	Kesan Pengiktirafan UNESCO Terhadap Identiti Latar Langit Bandar George Town .....	157
6.4	Potensi Kajian Kepentingan Identiti Latar Langit Bandar George Town ...	159
6.5	Rumusan .....	160

## BAB 7 – KESIMPULAN PENYELIDIKAN

7.1	Pengenalan .....	162
7.2	Implimentasi Kepentingan dan Pengaruh Latar Langit .....	163
7.3	Mendekati Bandar George Town Melalui Identiti Latar Langitnya .....	164
7.4	Ringkasan Interpretasi Identiti Latar Langit Bandar George Town .....	168
7.5	Rumusan .....	171

## SENARAI JADUAL

## Muka Surat

Jadual 4.1	Rumusan hubungan di antara lokasi pemerhatian, pandangan dan pengalaman visual	101
Jadual 4.2	Purata masa yang diambil bagi jarak dari Jeti Pengkalan Sultan Abdul Halim ke titik pemerhatian TPA, TPB dan TPC	109
Jadual 4.3	Jadual kriteria dan nilai pemberat (Cropps1995, p.105)	112
Jadual 4.4	Jadual penilaian identiti latar langit Bandar George Town	113
Jadual 4.5	Kaedah penilaian pemberat mengenalpasti identiti latar langit Bandar George Town	114
Jadual 4.6	Kenyataan purata jumlah nilai pemberat	114
Jadual 5.1	Jadual penilaian identiti latar langit Bandar George Town dari TPA	134
Jadual 5.2	Jadual penilaian identiti latar langit Bandar George Town dari TPB	138
Jadual 5.3	Jadual penilaian identiti latar langit Bandar George Town dari TPC	143
Jadual 5.4	Jadual jumlah purata nilai pemberat identiti latar langit Bandar George Town	146



## **SENARAI RAJAH**

## **Muka Surat**

Rajah 4.1	Elemen sempadan lingkungan latar langit Bandar George Town	97
Rajah 4.2	Komposisi latar langit	98
Rajah 4.3	Kaedah Kajian	111
Rajah 5.1	Analisis Kajian dalam Metodologi Kajian	131
Rajah 5.2	Komposisi latar langit Bandar George Town dari titik pemerhatian TPA	133
Rajah 5.3	Komposisi latar langit Bandar George Town dari titik pemerhatian TPB	137
Rajah 5.4	Komposisi latar langit Bandar George Town dari titik pemerhatian TPC	141
Rajah 6.1	Ilustrasi perubahan paparan visual identiti latar langit Bandar George Town dari tiga titik pemerhatian	154

## SENARAI GAMBAR

## Muka Surat

Gambar 2.1	Latar langit Hong Kong di waktu malam (Sumber: <a href="http://farm2.static.flickr.com">http://farm2.static.flickr.com</a> )	49
Gambar 2.2	Latar langit Kuala Lumpur di waktu malam (Sumber: <a href="http://www.anagnorisis.info">http://www.anagnorisis.info</a> )	49
Gambar 2.3	Latar langit Istanbul di waktu senja (Sumber: <a href="http://www.nyhoff.net/wallpapers">www.nyhoff.net/wallpapers</a> )	50
Gambar 2.4	Latar langit Tanjung Pelepas (Sumber: <a href="http://www.myshutterspace.com/photo">http://www.myshutterspace.com/photo</a> )	51
Gambar 2.5	Latar langit Sydney dari feri (Sumber: <a href="http://picasaweb.google.com">http://picasaweb.google.com</a> )	60
Gambar 3.1	Persekitaran Fort Cornwallis dan Esplanade (Sumber: <a href="http://www.skyscrapercity.com/showthread">http://www.skyscrapercity.com/showthread</a> )	68
Gambar 3.2	Persekitaran jaringan jalan di dalam Bandar George Town pada awal sejarah (Sumber: <a href="http://www.skyscrapercity.com/showthread">http://www.skyscrapercity.com/showthread</a> )	72
Gambar 3.3	Tokong Kuan Yin (Sumber: <a href="http://www.asiaexplorers.com">http://www.asiaexplorers.com</a> )	75
Gambar 3.4	Menara Masjid Kapitan Keling (Sumber: <a href="http://www.outdoors.webshots.com">http://www.outdoors.webshots.com</a> )	76
Gambar 3.5	Kuil Sri Mahamariamman (Sumber: <a href="http://en.wikipedia.org">http://en.wikipedia.org</a> )	76
Gambar 3.6	Jeti Chew, Jeti Clan (Sumber: <a href="http://www.asiaexplorers.com">http://www.asiaexplorers.com</a> )	77
Gambar 3.7	Boustead Block, Pengkalan Weld (Sumber: <a href="http://www.asiaexplorers.com">http://www.asiaexplorers.com</a> )	79
Gambar 3.8	Dewan Undangan Negeri (Sumber: <a href="http://www.asiaexplorers.com">http://www.asiaexplorers.com</a> )	79
Gambar 5.1	Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (Sumber: <a href="http://www.asiaexplorers.com">http://www.asiaexplorers.com</a> )	122
Gambar 5.2	Bank Standard Chartered (Sumber: <a href="http://www.asiaexplorers.com">http://www.asiaexplorers.com</a> )	122
Gambar 5.3	Dewan Bandar George Town (Sumber: <a href="http://www.asiaexplorers.com">http://www.asiaexplorers.com</a> )	122
Gambar 5.4	Bank HSBC (Sumber: <a href="http://www.asiaexplorers.com">http://www.asiaexplorers.com</a> )	122
Gambar 5.5	Rumah Api Fort Cornwallis (Sumber: <a href="http://www.asiaexplorers.com">http://www.asiaexplorers.com</a> )	122

Gambar 5.6	Victoria Memorial Clock Tower (Sumber: <a href="http://www.asiaexplorers.com">http://www.asiaexplorers.com</a> )	122
Gambar 5.7	Boustead Block (Sumber: <a href="http://www.penangpage.com">http://www.penangpage.com</a> )	123
Gambar 5.8	Wisma Kastam (Sumber: <a href="http://www.kastampg.gov.my">http://www.kastampg.gov.my</a> )	123
Gambar 5.9	Dari Selat Utara ke Jeti Chew (Sumber: <a href="http://www.penangpage.com">http://www.penangpage.com</a> )	126
Gambar 5.10	Dari dalam Jeti Chew (Sumber: <a href="http://www.asiaexplorers.com">http://www.asiaexplorers.com</a> )	126
Gambar 5.11	KOMTAR (Sumber: <a href="http://www.penangpage.com">http://www.penangpage.com</a> )	128
Gambar 5.12	Bukit Bendera (Sumber: <a href="http://www.asiaexplorers.com">http://www.asiaexplorers.com</a> )	128
Gambar 5.13	Lingkungan latar langit Bandar George Town dari titik pemerhatian TPA	132
Gambar 5.14	Lingkungan latar langit Bandar George Town dari titik pemerhatian TPB	136
Gambar 5.15	Lingkungan latar langit Bandar George Town dari titik pemerhatian TPC	140

## SENARAI LAKARAN

## Muka Surat

Lakaran 2.1	Kombinasi elemen semulajadi dan elemen buatan manusia bagi latar langit Hong Kong	19
Lakaran 2.2	Kombinasi elemen semulajadi dan elemen buatan manusia bagi latar langit Bandar George Town	20
Lakaran 2.3	Latar langit Piramid Giza, Mesir	22
Lakaran 2.4	Latar langit Manhattan, New York	23
Lakaran 2.5	Latar langit lama dan baru Moscow (dari Michailow, 1953)	25
Lakaran 2.6	Latar langit bersiri Manhattan oleh C.R.Ashbee (Attoe 1981, p. 36)	26
Lakaran 2.7	Latar langit Downtown, Toronto	28
Lakaran 2.8	Latar langit Boston	29
Lakaran 2.9	Latar langit Kerteh	30
Lakaran 2.10	Latar langit Hong Kong	31
Lakaran 2.11	Gateway Arch, St. Louis	32
Lakaran 2.12	Brooklyn Bridge, New York	33
Lakaran 2.13	Menara Eiffel, Paris	34
Lakaran 2.14	Dominasi Duomo dalam lingkungan latar langit Florence	35
Lakaran 2.15	Latar Langit Oxford	37
Lakaran 2.16	Corak pemikiran individu dalam proses pembentukan peta minda	39
Lakaran 2.17	Persekitaran di dalam Hyde Park, London	41
Lakaran 2.18	Latar langit Athens	45
Lakaran 2.19	Latar langit perkampungan nelayan terapung, Hong Kong	46
Lakaran 2.20	Pengaruh bangunan Parlimen ke atas latar langit Kotaraya London	52
Lakaran 2.21	Latar Langit Table Mountain, Cape Town Afrika Selatan	53
Lakaran 2.22	Siri latar langit Chicago, Seattle dan Sydney	57
Lakaran 4.1	Pengalaman visual latar langit dari lokasi pemerhatian bagi contoh lokasi London dan Bristol City	103

## **SENARAI PETA**

## **Muka Surat**

Peta 3.1	Pengezonan zon utama dan zon penampungan pengiktirafan Bandar Warisan Bandar George Town	82
Peta 4.1	Kedudukan laluan feri yang menentukan tiga titik pemerhatian (Sumber: <a href="http://earth.google.com">http://earth.google.com</a> )	109

**IDENTITI LATAR LANGIT BANDAR GEORGE TOWN, PULAU PINANG,  
MALAYSIA**

**ABSTRAK**

Penyelidikan tentang identiti latar langit sesebuah bandar memerlukan pemahaman terperinci terhadap setiap aspek pembentukannya kerana elemen fizikal tersebut penting dalam proses interpretasi identiti latar langit sesebuah bandar. Oleh itu, pemilihan Bandar George Town untuk mengenalpasti identiti latar langitnya adalah satu pilihan yang tepat kerana ia terbentuk daripada kombinasi elemen semulajadi dan buatan manusia yang memiliki pelbagai kepentingan estatika, budaya dan sejarah. Identiti latar langit Bandar George Town dikenalpasti daripada pengalaman visual yang diperolehi semasa kaedah pemerhatian yang dilaksanakan. Kaedah ini dilaksanakan dari tiga lokasi pemerhatian di sepanjang laluan masuk utama ke Bandar George Town iaitu melalui perkhidmatan feri Pulau Pinang. Laluan masuk utama yang melalui elemen fizikal sempadan antara Bandar George Town dan Tanah Besar Semenanjung memberikan satu paparan visual identiti latar langit Bandar George Town yang lebih jelas untuk dikenalpasti. Hasil pengalaman visual daripada kaedah pemerhatian beberapa penemuan dapat disimpulkan. Pertama, pergerakan ke setiap lokasi pemerhatian serta kombinasi elemen semulajadi dan buatan manusia dalam pembentukan latar langit Bandar George Town memaparkan keunikan identitinya yang tersendiri. Kedua, identiti latar langit Bandar George Town menunjukkan penekanan dan gabungan corak elemen semulajadi dan buatan manusia berbeza-beza di setiap titik pemerhatian dan yang ketiga, setiap elemen tersebut memiliki nilai estatika, budaya dan sejarah yang tersendiri. Keadaan ini turut menjadikan latar langit Bandar George Town bertindak sebagai penanda lokasi keseluruhan kawasan perbandarannya.

**THE IDENTITY OF SKYLINE OF GEORGE TOWN, PULAU PINANG,  
MALAYSIA**

**ABSTRACT**

Research on the identity of a city's skyline requires thorough and detailed understanding of each aspect that leads to its formation. The most important aspect is the physical element in the interpretation process of the identity of a city. Hence, the choice of George Town city in order to ascertain its skyline identity is appropriate as its formation is the result of the combination of natural elements and man-made ones which have varying factors of aesthetic significance, cultural significance and historical significance. Based on these significant physical elements, George Town's skyline can be identified from the visual experience which is obtained through the observation method undertaken in this study. The observation was carried at three viewing points along the main entry to the city, that is, by ferry service to Penang Island. This main gateway has physical elements that form a physical barrier between George Town city and the mainland. This provides a visual display of the city's skyline which can be clearly identified. Some findings on the results of visual experience from the observation method can be summarized. First, the movement to each of these viewing points with their combination of natural elements and man-made that form George Town's skyline shows the unique identity. Second, the identity of George Town's skyline at each viewing point forms different emphasis and combination of natural and mad-made elements. Third, each element that combines to form George Town's Skyline has aesthetic significance, cultural significance and historical significance. This impression of the George Town's skyline then acts as the site signature for the whole municipality.

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Penyelidikan Identiti Latar Langit Bandar George Town, Pulau Pinang, Malaysia di dalam Bab 1 ini dimulakan dengan asas kekuatan penyelidikan ini. Asas kekuatan yang dimaksudkan merujuk kepada pendedahan awal tentang kandungan keseluruhan penyelidikan khususnya tentang kombinasi dua elemen teras penyelidikan ini iaitu kepentingan latar langit dan keunikan Bandar George Town itu sendiri.

Memberi penekanan terhadap salah satu teras utama kepada penyelidikan ini iaitu kepentingan latar langit adalah penting untuk mengukuhkan keperluannya terhadap proses pembinaan persepsi positif bagi identiti latar langit Bandar George Town. Serentak dengan itu, kepelbagaian kepentingan latar langit diteliti supaya kepentingan ini sejajar dengan keunikan yang dimiliki Bandar George Town.

Turut menjadi teras utama kepada penyelidikan ini adalah keunikan Bandar George Town. Keunikan ini merujuk kepada kekuatan corak elemen fizikal bandarnya khususnya yang menyumbang kepada pembentukan latar langit Bandar George Town. Setiap corak elemen fizikal yang dianggap sebagai pembetuk kepada keunikan Bandar George Town ini diselaraskan bersama kepentingan latar langit untuk mengukuhkan proses mengenalpasti identiti latar langit Bandar George Town.

Menjayakan strategi dan perolehan penemuan penyelidikan yang tepat, beberapa topik seperti pernyataan isu, skop kajian, persoalan penyelidikan, matlamat dan objektif penyelidikan serta kepentingan penyelidikan ini semestinya diperjelaskan di dalam Bab



Pendahuluan ini. Selain daripada itu, metodologi kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini juga diringkaskan agar pelaksanaan metodologi penyelidikan yang digunakan untuk mencapai matlamat melalui setiap objektif penyelidikan difahami dengan lebih mudah.

Bagi melengkapkan lagi asas kekuatan penyelidikan ini, penerangan tentang organisasi keseluruhan tesis turut digarap. Penerangan ini bertindak sebagai ringkasan kepada struktur pelaksanaan, penyusunan dan rangkaian kandungan setiap bab penyelidikan ini. Gabungan keseluruhan perkara yang disebut bukan sahaja akan memberikan gambaran pertama tentang asas kekuatan penyelidikan ini, malah membantu menjelaskan hubungannya dengan proses pelaksanaan penyelidikan ini.

## **1.2   Pernyataan Isu**

Isu penyelidikan ini adalah fokus kepada kekuatan pengaruh latar langit bagi bandar tertentu yang membentuk kepentingannya sendiri. Bandar yang memaparkan kepentingan latar langit ini adalah sebuah bandar yang memiliki keunikan imejnya yang tersendiri. Gabungan antara kepentingan latar langit dan keunikan sesebuah bandar akan membentuk satu identiti latar langit yang ketara.

Kewujudan bangunan-bangunan pencakar langit bukan satu fenomena biasa kerana ia menentukan corak bandar Amerika, mengubah persekitaran fizikal dan corak guna tanah; mendorong reka bentuk, aspek teknologi dan pembangunan infrastruktur; mencipta persekitaran bekerja; dan menerangkan sempadan serta penerimaan individu atau kelompok tertentu (Moundry 2005). Keadaan ini menunjukkan bahawa persekitaran fizikal adalah elemen penting yang mewujudkan identiti latar langit bandar.

Di Malaysia pengaruh latar langit mula melular terhadap imej dan identiti negara apabila struktur ikon Menara Berkembar Petronas mula dibina dan diiktiraf sebagai bangunan tertinggi di dunia. Walaupun di Malaysia telah wujud kelompok struktur bangunan pencakar langit sebelum era pembinaan Menara Berkembar Petronas ini bermula, kewujudannya diikuti dengan bangunan-bangunan pencakar langit moden lain telah membantu memperkukuhkan identiti Kuala Lumpur dikalangan bandaraya moden dunia yang lain.

Struktur berkembar ini menjadi simbol kepada kejayaan ekonomi dan tibanya kemodenan Malaysia serta menjadi sumber kebanggaan, nilai pencapaian dan anugerah kepada Malaysia. Menara Berkembar Petronas ini juga menghasilkan imej kukuh setara dengan Kuala Lumpur selamanya (Mohamad Kashef 2008, p.15).

Persekitaran fizikal ini dianggap sebagai faktor yang mewujudkan nilai-nilai berkepentingan tertentu bagi latar langit dan setiap kepentingan yang wujud memainkan peranan utama membentuk imej luaran dan interpretasi dalaman bagi sesebuah bandar. Oleh itu, mengkaji faktor pembentukan latar langit yang memiliki kepentingan tertentu adalah langkah penting untuk menjelaskan perkaitan antara identiti, latar langit dan imej bandar itu sendiri.

Lynch (1960, p.8) menyatakan identiti adalah satu daripada komponen yang boleh menganalisis imej persekitaran sesebuah bandar. Identiti ini mempunyai perkaitan rapat dengan latar langit setiap bandar kerana ia boleh dianggap sebagai hasil pengalaman visual yang diperolehi daripada tatapan persekitaran luaran fizikal bandar. Salah satu lapangan kualiti persekitaran fizikal sesebuah bandar dinilai daripada bentuk

luaran dan imej yang tertumpu kepada latar langit bandar terbabit dan keseluruhan identitinya (Sirvani 1985, p. 214).

Jelas di sini bahawa isu kepentingan latar langit bandar perlu diteliti serentak dengan keunikan imej bandar yang dipilih untuk menentukan identiti latar langitnya. Penelitian dua kombinasi ini akan dijadikan bahan interpretasi dan eksperimen untuk mentafsir bandar tersebut daripada pelbagai aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan sejarah. Aspek-aspek ini memiliki perkaitan rapat dengan corak latar langit bandar kerana ia secara langsung akan mempengaruhi paparan identiti latar langit bandar yang dinilai.

### **1.3 Skop Kajian**

Merujuk kepada kenyataan bahawa bandar yang memaparkan kepentingan latar langit adalah sebuah bandar yang memiliki keunikan imejnya tersendiri membawa kepada pemilihan Bandar George Town, Pulau Pinang, Malaysia sebagai kes kajian di dalam penyelidikan ini. Kenyataan ini diperkukuhkan dengan faktor tunggal pemilihan Bandar George Town sebagai kes kajian iaitu pengiktirafan dunia ke atasnya.

Pengiktirafan dunia yang dimaksudkan adalah pengiktirafan Bandar George Town sebagai Bandar Warisan Sejarah Selat Melaka oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu UNESCO pada 7 Julai 2008. Pengiktirafan UNESCO ini cukup untuk membuktikan Bandar George Town memiliki keunikan tersendiri dan mempunyai longgokkan peninggalan warisan sejarah yang bernilai.

Setiap faktor yang menyumbang kepada keunikan Bandar George Town akan dijadikan subjek utama kepada penyelidikan ini khususnya semasa proses mengenalpasti dan menganalisis kepentingannya dalam membentuk identiti latar langit Bandar George Town.

Identifikasi faktor yang menyumbang kepada keunikan Bandar George Town ini adalah berasaskan kepada elemen fizikal yang memiliki peranan kukuh sebagai mercu tanda. Setiap mercu tanda ini pula dinilai kepentingannya dari aspek estatika, budaya dan sejarah kerana kemampuannya untuk bertindak sebagai rujukan kepada pembentukan identiti latar langit hasil daripada pengalaman visual yang ditafsir.

Penilaian mercu tanda daripada tiga kepentingan estatika, budaya dan sejarah yang dinyatakan, digarap daripada paparan persekitaran luaran fizikal Bandar George Town, di mana ia jelas memperlihatkan elemen-elemen fizikal yang wujud memiliki keunikannya yang tersendiri. Namun begitu ia diharapkan mempunyai persekitaran landskap visual yang jelas semasa proses memperolehi pengalaman visual persekitaran luaran fizikal Bandar George Town dilaksanakan.

Elemen-elemen fizikal yang dimaksudkan tidak hanya merujuk kepada justifikasi pengiktirafan UNESCO terhadap Bandar George Town semata-mata, malah ia merujuk kepada persekitaran fizikal semulajadi dan elemen-elemen fizikal lain yang dianggap moden tetapi masih mengekalkan peranannya sebagai mercu tanda. Setiap mercu tanda ini seharusnya memiliki kepentingannya yang tersendiri khususnya dari segi nilai estatika, budaya dan sejarah.

Kesemua elemen fizikal yang menjadi faktor pembentukan latar langit Bandar George Town turut dikenalpasti supaya di antaranya berupaya dijadikan sebagai elemen sempadan. Elemen sempadan ini memainkan peranannya sebagai had lingkungan pemerhatian terhadap latar langit Bandar George Town. Had lingkungan yang ditetapkan melalui langkah menentukan elemen sempadannya pasti mempengaruhi pengalaman visual yang akan diperolehi.

Umumnya skop kajian merujuk kepada pemerhatian ke arah persekitaran luaran fizikal Bandar George Town. Namun begitu lokasi pemerhatian dan arahnya serta elemen sempadan sebagai had lingkungan latar langit yang diperhatikan adalah penting untuk memastikan kualiti landskap visual yang jelas sekaligus memberikan pengalaman visual yang mampu mengenalpasti latar langit Bandar George Town dan identitinya.

#### **1.4 Persoalan Penyelidikan**

Penyelidikan ini mengupas tiga persoalan bagi melengkapkannya serta mencapai matlamat dan objektif penyelidikan. Tiga persoalan tersebut adalah seperti berikut:

1. Apakah faktor yang membentuk latar langit Bandar George Town?

Mengenalpasti faktor ini adalah penting kerana ia mendedahkan elemen fizikal yang membina identiti latar langit Bandar George Town. Faktor yang diperhatikan berasaskan kepada kepentingan latar langit yang ditonjolkan oleh Bandar George Town itu sendiri. Elemen fizikal yang memiliki nilai estatika, budaya dan sejarah serta berperanan sebagai mercu tanda menjadi panduan kepada proses mengenalpasti ini.

2. Di manakah kedudukan elemen fizikal yang membentuk latar langit Bandar George Town?

Kedudukan elemen fizikal yang membentuk latar langit Bandar George Town merujuk kepada komposisinya di dalam keseluruhan lingkungan latar langit yang diperhatikan. Persoalan ini akan mengelakkan proses pemerhatian, mengenalpasti dan analisis setiap elemen fizikal tersebut dilihat secara tunggal kerana fokus persoalan ini adalah mengenalpasti kekuatan dan pengaruh setiap elemen fizikal terbabit terhadap keseluruhan latar langit Bandar George Town.

3. Di manakah titik pemerhatian ke arah latar langit Bandar George Town?

Kedudukan titik pemerhatian ke arah latar langit Bandar George Town penting kerana ia merupakan ruang memproses interpretasi untuk mendapatkan identiti latar langit Bandar George Town. Asas kepada pemilihan titik perhatian adalah lokasi yang memberi sudut pandangan jelas dari mana-mana laluan masuk utama ke Bandar George Town kerana ia memberikan persepsi pertama tentang Bandar George Town melalui identiti latar langitnya.

### **1.5 Matlamat dan Objektif Penyelidikan**

Matlamat penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti identiti latar langit Bandar George Town melalui pemahaman terhadap interpretasi konteks lingkungan latar langitnya. Matlamat ini dicapai melalui tiga objektif penyelidikan iaitu:

1. Mengenalpasti keunikan Bandar George Town yang mempengaruhi pembentukan latar langitnya.

2. Mengenalpasti dan menganalisis elemen fizikal yang berperanan penting kepada pembentukan identiti latar langit Bandar George Town.
3. Mengenalpasti elemen laluan fizikal dominan sebagai lokasi pemerhatian untuk memperolehi pengalaman visual ke arah lingkungan latar langit Bandar George Town dari luar elemen sempadannya.

### **1.6 Kepentingan Penyelidikan**

Terdapat tiga kepentingan penyelidikan yang disenaraikan. Kepentingan pertama penyelidikan adalah membina pemahaman yang lebih baik tentang kepentingan latar langit itu sendiri. Memahami kepentingan latar langit ini dapat membantu meluaskan persepsi dan interpretasi mengenai pelbagai perkara tersurat dan tersirat yang berlaku dan wujud di dalam sesebuah bandar seperti aktiviti masyarakat setempat, budaya, sosial, sejarah, ekonomi, politik dan sebagainya.

Kepentingan kedua penyelidikan adalah menjadikan penyelidikan ini sebagai alat penentu kepada kekuatan imej Bandar George Town melalui kestabilan identiti latar langitnya sendiri. Kestabilan identiti ini terbina kerana kekuatan imej Bandar George Town, Pulau Pinang yang terletak kepada imej bandarnya yang tiada pendua dan unik. Ini bermakna hasil mengenalpasti identiti latar langit Bandar George Town berupaya dijadikan sebagai aset utama memperkasakan imej Bandar George Town keseluruhannya.

Melihat latar langit Bandar George Town dan mengenalpasti identitinya mempunyai perkaitan rapat dengan proses pemerhatian. Oleh itu, landskap visual sememangnya antara aspek yang menjadi kepentingan kepada penyelidikan ini. Keupayaan proses pemerhatian untuk mengenalpasti identiti latar langit Bandar George Town mengintergrasikan landskap visual dan paparan latar langit yang menggabungkan elemen-elemen fizikal bandar yang dominan. Keadaan ini sekaligus memberi penekanan terhadap persekitaran landskap visual untuk proses pemerhatian ke arah latar langit Bandar George Town yang lebih jelas.

Memahami kepentingan latar langit, kestabilan imej serta keunikan Bandar George Town dan kualiti persekitaran landskap visual turut menyumbang kepada penghormatan terhadap elemen fizikal yang membentuk latar langit khususnya elemen fizikal yang menyimpan nilai estatika, budaya dan sejarah setempat. Penghormatan yang dimaksudkan adalah menjadikan keaslian elemen fizikal terbabit berperanan dalam membentuk identiti latar langit sesebuah bandar. Semestinya setiap keaslian elemen fizikal ini turut berperanan menjadikan Bandar George Town sebagai sebuah bandar yang memiliki keunikannya tersendiri.

Oleh itu ketiga-tiga kepentingan penyelidikan ini pasti memberikan keuntungan berganda kepada Bandar George Town itu sendiri. Keuntungan yang dimaksudkan bukan sahaja mempelbagaikan tarikan dan keunikan Bandar George Town, malah kepentingan-kepentingan ini mencipta ruang pemeliharaan ke atas setiap elemen fizikal berkepentingan estatika, budaya dan sejarah yang memainkan peranan utama sebagai faktor kepada pembentukan identiti latar langit Bandar George Town.



## **1.7 Kaedah Kajian**

Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah untuk menzahirkan penerangan melalui maksud pengalaman visual yang diperolehi daripada fenomena persekitaran luaran fizikal yang dikaji iaitu paparan latar langit Bandar George Town. Menzahirkan penerangan bermaksud menterjemahkan pengalaman visual melalui pemerhatian, dokumentasi dan analisis terhadap latar langit Bandar George Town untuk mengenalpasti identitinya.

Identiti ini merujuk kepada gambaran mental yang terbentuk daripada imej yang dipaparkan oleh lingkungan latar langit Bandar George Town. Manakala latar langit yang diselidik bertindak sebagai subjek yang dikaji dan ianya merujuk kepada persekitaran fizikal yang terkandung dalam lingkungan sempadan Bandar George Town seperti yang digariskan di dalam skop penyelidikan ini.

Menjayakan matlamat penyelidikan ini, kaedah penyelidikan yang digunakan dibahagikan kepada dua peringkat iaitu di peringkat mengumpul data dan di peringkat menganalisis data yang telah dikumpulkan. Semasa peringkat mengumpul data dilakukan, ia menuntut kaedah pemerhatian dilaksanakan. Namun begitu titik pemerhatian telah ditentukan lebih awal, di mana penentuannya adalah berdasarkan kepada dua aspek iaitu peranan titik pemerhatian itu sendiri dan kualiti landskap visual yang diberikan.

Peranan titik perhatian dilihat dari aspek dominasi dan kepentingannya terhadap Bandar George Town itu sendiri dan ianya pasti dari sudut pemerhatian yang mendedahkan persekitaran luaran fizikal keseluruhannya. Manakala kualiti landskap

visual dilihat dari aspek pemerhatian yang jelas ke arah latar langit Bandar George Town khususnya kedudukan elemen-elemen fizikal yang memainkan peranan penting mempengaruhi pembentukan identiti latar langit Bandar George Town.

Fotografi digunakan sebagai teknik mendokumentasi paparan latar langit yang diperhatikan dari setiap titik pemerhatian yang telah ditentukan. Dokumentasi gambar ini akan dinilai untuk mengenalpasti kewujudan elemen-elemen fizikal yang bertindak sebagai mercu tanda berkepentingan estatika, budaya dan sejarah di dalam had sempadan lingkungan latar langit Bandar George Town yang diperhatikan.

Namun begitu, menentukan mercu tanda ini masih merujuk kepada teras penyelidikan iaitu kepentingan latar langit dan keunikan Bandar George Town yang ditulis dalam pengkhususan Bab 2 dan 3. Hasil pengalaman visual dan dokumentasi yang dilaksanakan akan digunakan dalam kaedah penyelidikan di peringkat kedua iaitu peringkat menganalisis data. Kerja-kerja menganalisis ini menggunakan kaedah keratan rentas dan kaedah penilaian pemberat.

Kedua-kedua kaedah yang digunakan ini adalah untuk menilai mudah nampak kewujudan setiap elemen fizikal iaitu mercu tanda dari setiap titik pemerhatian yang telah ditetapkan. Faktor ukuran mudah nampak dikenalpasti berteraskan kepada jelasnya pandangan ke arah elemen atau persekitaran fizikal yang mempunyai peranan khusus terhadap pembentukan identiti latar langit Bandar George Town. Faktor ini juga penting untuk menilai pengaruh mercu tanda terhadap persekitaran latar langitnya. Pengaruh yang dinilai dan dianalisis mampu menentukan identiti latar langit Bandar George Town.

Penyelidikan kualitatif seperti ini memberi penilaian melalui nilai pemberat ke atas hasil himpunan pemerhatian lingkungan latar langit Bandar George Town yang dilaksanakan. Setiap pemerhatian dinilai untuk mendapatkan purata nilai pemberat yang diberikan berteraskan kriteria mudah nampak yang ditetapkan dan purata nilai ini bertindak sebagai penemuan penyelidikan. Faktor kepada purata nilai yang diperolehi dianalisis untuk dijadikan asas kepada kesimpulan penyelidikan khususnya mencari sebab terbentuknya identiti latar langit Bandar George Town yang ditemui.

Secara dasarnya, kaedah penyelidikan yang digunakan yang dipecahkan kepada dua peringkat yang dihubungkan dengan kaedah dokumentasi penyelidikan khususnya semasa kaedah pemerhatian dijalankan. Dokumentasi yang sama iaitu fotografi turut digunakan dalam metodologi penyelidikan di peringkat analisis. Ini menunjukkan gabungan yang positif untuk mendapatkan penemuan penyelidikan yang setara dengan matlamat dan objektif penyelidikan ini.

## **1.8 Organisasi Tesis**

Keseluruhan penyelidikan ini dibahagikan kepada tujuh bab penulisan, di mana setiap bab mempunyai pengkhususan kandungan yang menjelaskan pendahuluan kepada penyelidikan, proses memahami kandungan penyelidikan dan strategi penyelidikan ini dilaksanakan serta penemuannya. Namun begitu setiap bab yang ditulis menggayakan perkaitan kepentingan setiap pengkhususan yang didedahkan. Pengayaan ini bertujuan menjadikan proses penyelidikan ini lebih jelas khususnya untuk mencapai matlamat dan setiap objektif yang dinyatakan.

Organisasi tesis ini dimulakan dengan pendahuluan kepada keseluruhan penyelidikan. Bab 1 ini berperanan membina ruang persepsi pertama kepada penyelidikan identiti latar langit Bandar George Town ini. Oleh itu, ia merangkumi ringkasan keseluruhan kandungan penyelidikan termasuk sasaran penemuan penyelidikan iaitu untuk mengenalpasti identiti latar langit Bandar George Town.

Organisasi tesis ini diteruskan dengan penulisan Bab 2 iaitu Kajian Ilmiah. Sebagai teras kepada penyelidikan ini, Bab 2 merujuk kepada pemahaman perincian pelbagai perkara tentang latar langit. Selain daripada memahami definisi latar langit, bab ini juga memperincikan pelbagai kepentingan latar langit termasuk pelbagai kenyataan sokongan kepada isu latar langit ini yang perlu diberi perhatian.

Bab 3 penyelidikan ini khusus menjelaskan tentang keunikan Bandar George Town. Ia turut berperanan sebagai teras utama kepada penyelidikan ini kerana pengkhususannya adalah menceritakan tentang pelbagai faktor yang mempengaruhi pembentukan keunikan Bandar George Town. Kepentingan bab ini bukan sahaja untuk lebih mengenali Bandar George Town, malah ia turut dijadikan sebagai data utama dan sokongan kepada proses analisis penyelidikan ini.

Bab berikutnya adalah Bab 4. Ia memperjelaskan metodologi kajian yang digunakan di dalam penyelidikan ini. Metodologi kajian ini dicipta berasaskan dua teras utama penyelidikan seperti yang telah dinyatakan di dalam pengkhususan Bab 2 dan 3 iaitu merujuk kepada kepentingan latar langit dan keunikan Bandar George Town. Bab 4 ini juga bertindak sebagai penghubung kandungan penyelidikan yang ditulis di dalam bab seterusnya.

Selepas perincian metodologi kajian ditulis di dalam Bab 4, Bab 5 mengkhususkan proses analisis untuk mencari pelbagai aspek penting bagi menentukan identiti latar langit Bandar George Town. Analisis penyelidikan yang dilaksanakan dengan menggunakan data yang ditulis di dalam pengkhususan Bab 2 dan 3 ini juga bertindak sebagai pelaksana kepada metodologi penyelidikan. Di sepanjang penulisan bab ini, ia menggunakan metodologi kajian sepertimana yang telah diperjelaskan di dalam bab sebelumnya.

Hasil daripada analisis penyelidikan yang telah dilaksanakan, diterjemahkan pula di dalam Bab 6 sebagai penemuan penyelidikan. Penemuan penyelidikan ini semestinya sejajar dengan matlamat penyelidikan untuk mengenalpasti identiti latar langit Bandar George Town. Namun begitu penemuan ini tidak mengakhiri rangkuman penulisan keseluruhan penyelidikan kerana ia sekadar merujuk kepada pengkhususan bab ini sahaja dan perkaitannya dengan sasaran penyelidikan. Oleh yang demikian, organisasi tesis ini diakhiri dengan kesimpulan keseluruhan proses penyelidikan. Kesimpulan yang khusus ditulis di dalam Bab 7, bukan sahaja menyentuh soal intipati keseluruhan proses melaksanakan penyelidikan dan hasilnya tetapi turut menyentuh beberapa cadangan berkaitan penyelidikan akan datang.

Kandungan cadangan adalah lebih ditumpukan kepada perkembangan penyelidikan dan gunapakai penemuan penyelidikan. Keadaan ini sama seperti menjadikan penemuan penyelidikan sebagai garis panduan dalam merangka pembangunan dan pemeliharaan khusus bagi Bandar George Town di masa akan datang.

## **1.9 Rumusan**

Secara keseluruhannya, kandungan bab ini memberi fokus kepada arah tuju penyelidikan mengenalpasti identiti latar langit Bandar George Town, Pulau Pinang. Peranannya yang memberikan persepsi pertama terhadap penyelidikan ini menjadikan pendahuluan ini sebagai gambaran pelaksanaan penyelidikan. Kekuatan penyelidikan juga diketengahkan melalui penerangan mengenai kepentingan penyelidikan yang bukan sahaja mengupas identiti latar langit Bandar George Town malah memberi kesan positif terhadap pemahaman kepentingan latar langit serta mengukuhkan landskap visual terhadap latar langit yang diperhatikan. Namun begitu, kepentingan-kepentingan penyelidikan ini memerlukan dasar penyelidikan yang menyentuh tentang kepentingan latar langit dan keunikan Bandar George Town digarap secara terperinci. Perincian kedua-dua dasar yang dinyatakan itu terkandung di dalam pengkhususan dua bab seterusnya.

## **BAB 2**

### **KAJIAN ILMIAH**

#### **2.1 Pengenalan**

Di dalam Bab 2 ini fokus akan diberikan terhadap kepentingan-kepentingan latar langit daripada pelbagai aspek kerana ia merupakan antara elemen utama dalam penyelidikan khususnya untuk mencapai matlamat dan setiap objektif penyelidikan. Memahami definisi latar langit adalah penting untuk memahami pelbagai kepentingannya kerana latar langit bukan sebagai satu paparan imej untuk dilihat semata-mata tetapi ia memiliki pelbagai kepentingan untuk dihayati.

Paparan imej yang berdaya memainkan peranan seperti yang dimaksudkan di dalam perenggan di atas menuntut proses mengenalpasti objek yang berbeza dengan persekitarannya sekaligus mengenalinya sebagai satu entiti yang berbeza. Inilah yang dikatakan sebagai identiti yang tidak merujuk kepada rasa persamaan dengan sesuatu yang lain tetapi ia bermaksud kepada sesuatu yang individu (Lynch 1960, p.8).

Identiti juga berkait dengan ruang fizikal (Heidenreich, p.2) dan turut memikul identiti penghuni kepada persekitaran fizikal yang wujud serta mencerminkan nilai dan kehendak mereka (Haapala, p.13). Ringkasan definisi identiti ini selari dengan pelbagai kepentingan latar langit yang turut dikaitkan dengan identiti bandar yang memilikinya sepertimana isu di dalam Draf Perancangan Central Portland, Penilaian Reka Bentuk Bandar, 2007 iaitu berkaitan fokus kepada kombinasi di antara latar langit dan identiti yang dinyatakan adalah berpunca dan mempengaruhi antara satu sama lain.

Kemampuan kombinasi latar langit dan identiti boleh diperhatikan daripada himpunan elemen fizikal yang membentuk persekitaran fizikal sesebuah bandar. Persekitaran fizikal ini juga adalah salah satu faktor yang mempengaruhi kepelbagaian aktiviti luar yang dilakukan di sesebuah kawasan perbandaran (Erskine 1987, p. 202) dan ia mampu dihayati melalui latar langit jika latar langit tersebut memiliki identitinya yang kukuh.

Penghayatan terhadap kandungan tersurat dan tersirat paparan latar langit adalah satu proses menimba pengalaman visual yang menyeronokkan. Namun begitu, keutuhan latar langit ini bukan sahaja memberi kebanggaan dan keseronokkan kepada komunitinya, malah mungkin memberi kegunaan yang praktikal terhadap keindahan paparan latar langit sebagai tarikan pengunjung ke bandar terbabit (Hedman & Jaszewski 1984, p. 105).

Kelebihan dan kemampuan pelbagai guna, pengaruh dan kepentingan latar langit turut membawa kepada keprihatinan pelbagai pihak untuk mengekalkan atau mencipta identiti latar langit bandar mereka. Ini terbukti apabila kerajaan tempatan bandar-bandar besar dunia telah mengambil pelbagai tindakan untuk meningkatkan kualiti visual terhadap latar langit bandar mereka melalui pengawalan had ketinggian bangunan, parameter reka bentuk dan membangunkan kawasan koridor hijau (Ann & Poh 2005, p.33).

Senario ini menunjukkan penghayatan terhadap kepentingan latar langit memberikan impak besar khususnya menjadikannya sebagai fakta kukuh dalam usaha memperkasakan identiti yang dipaparkan latar langit terbabit. Oleh itu, memahami



definisi dan kepentingan latar langit serta pelbagai aspek yang dipengaruhinya adalah penting sebagai satu di antara dua teras penyelidikan ini. Memahami teras ini berkehendakan ia dilihat dari pelbagai sudut interpretasi dan pemahaman, namun begitu masih membawa kepada pengenalan identiti latar langit yang utuh.

## **2.2 Definisi Latar Langit**

Bandar yang telah memiliki latar langit sekurang-kurangnya bermula sejak zaman Mesopotamia membina ziggurat sekitar tahun 3000 SM (Stamps, Nasar & Hanyu 2005, p. 74). Latar langit bandar ini merujuk kepada profil kelompok bangunan yang membentuk landskap bandar di waktu siang dan bayang-bayang (*silhouette*) di waktu malam (Lim & Heath 1993, p.23). Merujuk Oxford English Dictionary, latar langit didefinisikan sebagai “garisan luar atau bayang-bayang (*silhouette*) sesebuah bangunan atau kelompok bangunan atau objek yang bersanggaaan dengan langit.”.

Begitu juga dengan Oxford Dictionary of Architecture yang menjelaskan latar langit sebagai “susunan bumbung, timbunan cerombong asap, menara, dan pelbagai aksesori seni bina yang menghasilkan corak pada langit.”. Latar langit turut didefinisikan oleh Abu-Ghazalah (2007, p. 49) sebagai garisan pemisah antara bumi dan langit, ia mungkin semualajadi seperti tumbuhan, gunung atau laut, atau buatan manusia seperti struktur seni bina. Karektor fizikal yang menunjukkan tiga-dimensi bangunan-bangunan pencakar langit, ruang-ruang utama dan bentuk muka bumi (Cohen 2001, p. 57) mempunyai perkaitan rapat menjelaskan definisi latar langit.

Latar langit sebenarnya menggabungkan kelompok bangunan dan adakalanya bergabung dengan persekitaran semulajadi. Latar langit bandar yang memiliki corak unik landskap perbandarannya terbentuk oleh kawalan perancangan bandar, keadaan topografi, pertimbangan komersial, parameter reka bentuk bangunan dan keprihatinan persekitaran asalnya (Ann & Poh 2005, p.33). Keunikkan ini boleh dilihat terhadap latar langit bandar-bandar metropolitan dunia seperti New York, San Francisco, Sydney, Shanghai, dan Toronto yang tiada tandingan.


Hong Kong (Lakaran 1.1) adalah contoh terbaik untuk menjelaskan kandungan definisi latar langit ini khususnya dari aspek fizikal yang menunjukkan pembentukannya adalah hasil daripada kombinasi individu atau kelompok elemen semulajadi dan elemen buatan manusia. Turut memiliki elemen sempadan yang jelas di bahagian hadapan, ia memberi impak visual positif kepada paparan latar langit Hong Kong sekaligus mempermudah proses penterjemahan terhadapnya.



Lakaran 2.1: Kombinasi elemen semulajadi dan elemen buatan manusia bagi latar langit Hong Kong.

Contoh terbaik bandar di peringkat tempatan bagi menzahirkan definisi latar langit ini adalah Bandar George Town (Lakaran 2.2). Bandar ini bukan sahaja memiliki elemen fizikal pembentukan latar langit sejajar dengan definisinya iaitu pembentukan corak garisan daripada gabungan bentuk fizikal elemen buatan manusia dan elemen

semulajadi, malah turut memiliki elemen fizikal sempadan semulajadi yang mampu membawa pengalaman visual jelas terhadap lingkungan latar langit yang dipaparkan.



Lakaran 2.2: Kombinasi elemen semulajadi dan elemen buatan manusia bagi latar langit Bandar George Town

Selain daripada itu, latar langit yang terbentuk daripada bumbung bangunan bukan sahaja menambahkan paparan visual yang menarik, malah turut dinyatakan sebagai penanda kepada aktiviti utama (bangunan gereja, rekreasi dan hiburan) atau penumpuan kepada penggunaannya (seperti kelompok menara pejabat menandakan pusat perniagaan) (Davies 2000, p. 62; Tibbalds 1992, p. 63).

*“Corak latar langit terdiri daripada puncak menara gereja serta kubah bangunan dan biasanya tertumpu kepada pusat kerajaan”, “Latar langit kontemporari tidak boleh dibaca dengan cara yang mudah.” (Spreiregen 1965, p. 220).*

Kenyataan seperti ini dan penerbitan buku seperti *American Skyline* yang ditulis oleh Tunnard C. dan Reed H. (1956), memperincikan tujuh era perkembangan Bandaraya Amerika menunjukkan sensitiviti dunia kepada isu dan pengaruh latar langit telah bermula sejak pertengahan abad ke-20.


Penulisan buku ini bukti kepada pembentukan latar langit bukan sahaja memaparkan pembangunan fizikal bandar terbabit malah aspek fizikal ini mampu memainkan peranannya sebagai bahan utama dalam proses memahami pelbagai hal berkaitan bandar terbabit seperti perkembangan ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. Kemampuan ini menunjukkan latar langit juga memiliki variasi pengaruh visualnya yang tersendiri.

Variasi definisi dan kenyataan tentang latar langit yang telah dinyatakan merumuskan bahawa latar langit adalah pembentukan satu garisan di bahagian teratas permukaan bumi yang memaparkan rupa corak tertentu. Rupa corak ini terhasil daripada bentuk fizikal elemen semulajadi atau seni bina elemen buatan manusia.

Kedua-dua elemen ini mungkin telah wujud atau dibangunkan secara individu mahupun secara berkelompok bergantung kepada kuasa pengaruh yang dimiliki setiap elemen terlibat. Namun begitu rupa corak yang terhasil tidak dilihat dari aspek visual rupa coraknya semata-mata, malah ia menterjemah kandungannya dengan menilai perkara-perkara yang mempengaruhi rupa corak garisan latar langit yang ter papar.

### **2.3 Jenis dan Kepentingan Latar Langit**

Penerokaan seterusnya adalah tentang kepentingan latar langit termasuk menghuraikan contoh-contoh latar langit bandar-bandar yang berkaitan secara langsung dengan aspek kepentingan latar langit yang dinyatakan. Penghayatan kandungan tersurat dan tersirat paparan identiti latar langit beberapa buah bandar yang berbeza corak fizikalnya pasti mempunyai kepentingan yang berbeza.



Lakaran 2.3: Latar langit Piramid Giza, Mesir

Identiti latar langit Giza, Mesir umpamanya, menerima pengaruh yang kuat daripada tiga buah Piramid Giza yang menjadi salah satu keajaiban dunia. Berbentuk tiga dimensi dari asas bentuk segitiga dan skala meganya menjadikan ketiga-tiga Piramid Giza ini cukup dominan dalam lingkungan latar langit Giza, Mesir (Lakaran 2.3). Memerhatikan dan penghayatan latar langit Giza keseluruhannya, ia jelas sebagai ikon kepada kepercayaan komuniti dan kekuatan kuasa besar pemerintahan Mesir di era pembinaannya.

Berbeza dengan Kotaraya London, kesan daripada perang dunia kedua dan pengeboman London pada tahun 1942 telah mengubah secara drastik faktor fizikal bandar dan latar langitnya. Kesan pengeboman ini telah memusnahkan satu pertiga daripada keseluruhan kawasan Kotaraya London. Namun begitu, Bangunan Parlimen dan Gereja St. Paul terselamat daripada kemusnahan tragedi pengeboman itu dan terus menjadi elemen fizikal terpenting kepada pembentukan identiti latar langit bersejarah Kotaraya London sehingga kini.



Lakaran 2.4: Latar Langit Manhattan, New York

Merujuk kepada Manhattan, New York (Lakaran 2.4) pula, ia adalah sebuah bandaraya kaya dengan keunikan bangunan-bangunan pencakar langit yang memiliki nilai budaya dan sejarahnya tersendiri. Keunikan ini turut memaparkan integrasi bandarayanya bersama kebijaksanaan mereka dalam memanipulasikan skala perancangan pembangunan. Bermula awal abad ke-18, skala perancangan pembangunan ini telah menghasilkan sebuah bandaraya yang memaparkan identiti unik kerana kelompok bangunan pencakar langitnya membentuk bayangan aturan kotak-kotak gergasi.

Melihat secara kasar perbezaan karektor yang dipaparkan oleh latar langit Mesir, Kotaraya London dan Manhattan, New York, mengukuhkan asas kenyataan bahawa latar langit memiliki pelbagai kepentingan. Memperincikan setiap kepentingan latar langit, secara tidak langsung turut menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukannya. Merujuk kepada jenis dan kepentingan latar langit ini beberapa perkara yang menentukan identiti latar langit boleh diterjemah. Beberapa perkara itu adalah sejarah, ekonomi, mercu tanda, ekologi, budaya, dan estatika.

### **2.3.1 Latar Langit Paparan Sejarah**

Tanpa disadari pembangunan yang berlaku di sesebuah bandar telah mewujudkan latar langit secara kolektif yang jelas ataupun sebaliknya bergantung kepada corak pembangunannya. Walaupun tanpa perancangan teliti mengenai pembentukan atau pemeliharaan latar langit, ia masih melambangkan kewujudan simbol kolektif bagi bandar tertentu. Ini bermakna interpretasi latar langit boleh dibuat dalam pelbagai sudut berbeza.

Pembentukan latar langit sebagai simbol kolektif bagi sesebuah bandar juga membuktikan adanya perjalanan sesuatu peristiwa atau sejarah yang telah berlaku. Keadaan ini menimbulkan kesan yang cukup mendalam ke atas transisi pembentukan latar langit secara keseluruhan sekaligus memaparkan sejarah perkembangan sesebuah bandaraya tersebut.

Sebagai contoh, pada tahun 1930-an satu cadangan baru yang mengubah pembentukan latar langit di Moscow telah dicadangkan yang terdiri daripada sebuah Istana Soviet yang mempunyai sebuah patung besar Lenin di bahagian atasnya yang berada ditengah-tengah kelompok cadangan pembangunan yang lain.

Keperihatinan terhadap pembangunan bangunan baru yang mengekalkan konsep seni bina asli diperekitarannya tidak membawa kesan besar ke atas karektor latar langit di Moscow. Hasilnya satu pemandangan latar langit yang didominasi patung besar Lenin di tengahnya menghasilkan latar langit yang unik sebagai satu simbol kolektif bagi Moscow (Attoe 1981, p. 1).